

KEPENTINGAN STRATEGIK BRITISH DALAM PERANG ARAB-ISRAEL 1967 DAN ANCAMAN SOVIET

Muhamad Hasrul Zakariah

Abstract

The Six-Days, Arab-Israeli War 1967 was a critical event in the context of the Arab-Israeli dispute. The impact of the war still remains today especially the changes in the geo-political structure of West Asia. As one of the great powers, Britain played a vital role in this war, especially in tabling and sponsoring the peace plan at the United Nations – Resolution 242. Britain's involvement in the war jeopardized her military and strategic interest in the West Asia especially in the Arab countries. Therefore during the war and the peace process, Britain repeatedly declared to the world that London would apply a neutral policy. The main objective of this article is to analyze Britain's strategic interest in West Asia during the 1967 Arab- Israel war, as well as the threat of Soviet influence in the region. This study casts doubt on the veracity of Britain's neutrality policy by considering the emergence of a political threat towards Britain's military and strategic interests in West Asia during the war. Thus, the victory of Israel in the war was very vital to preserve and protect Britain's strategic interest in the region since 1967.

Pengenalan

Perang Enam Hari Arab-Israel 1967 merupakan satu peristiwa yang penting dalam kajian sejarah konflik di Asia Barat moden. Kepentingan ini amat ketara khususnya jika dikaji dari segi impak perang tersebut yang terus kekal sehingga kini. Penaklukan Israel ke atas Bukit Golan, Tebing Barat (termasuklah Jerusalem Timur) dan Gaza¹ dalam peristiwa perang enam hari itu masih tidak berubah sehingga kini. Malah pendudukan Israel ini terus

menjadi 'duri dalam daging' dalam sebarang proses rundingan damai di Asia Barat. Peristiwa Perang 1967 ini berlaku dalam era Perang Dingin yang menyaksikan persaingan pengaruh di rantau Asia Barat antara Amerika dan blok demokrasi dengan kesatuan Soviet dan komunisme. Justeru, biarpun dari segi luarannya perang tersebut melibatkan gerakan ketenteraan Israel dan negara-negara Arab tetapi penglibatan langsung dan tidak langsung kuasa-kuasa besar khususnya Amerika dan Soviet tidak boleh dipinggirkan. Sokongan moral dan material kedua-dua blok ini sebelum dan selepas perang begitu ketara dalam usaha masing-masing mengekalkan pengaruh demi kepentingan strategik, politik dan ekonomi di rantau yang kaya dengan sumber minyak ini.

Walau bagaimanapun, tulisan ini akan melihat kepentingan strategik British dalam peristiwa perang tersebut. Biarpun selepas tahun 1956, pengaruh British dalam kancah politik Asia Barat dilihat kian merundum dengan dibayangi oleh persaingan Washington dan Moscow, namun fakta sejarah membuktikan peranan London masih relevan khususnya ketika menaja Resolusi 242 yang menamatkan perang 1967 ini.² Malahan kepentingan British di Asia Barat khususnya kepentingan ekonomi, politik dan strategi masih kekal dalam era 1960an. Lantas, kajian ini dengan merujuk kepada sumber-sumber arkib di London akan menganalisis kepentingan strategik British di Asia Barat ketika perang 1967 ini dan melihat sejauhmanakah kehadiran Kesatuan Soviet dalam kancah konflik di Asia Barat ketika itu mengancam kepentingan strategik London.

Kepentingan Strategik dan Pengkalan Tentera British di Asia Barat 1967.

Pada era 1960-an, British mempunyai kepentingan strategik dan ketenteraan yang penting di Asia Barat melalui penempatan pengkalan-pengkalan tentera khususnya di kawasan Teluk Parsi. Dalam perbahasan Kertas Putih Pertahanan (*Defense White Paper*) pada tahun 1961, Menteri Pertahanan Britain, Harold Watkinson menegaskan bahawa British tidak mempunyai hasrat mengabaikan kepentingan strategik keselamatan Britain di Semenanjung Arab khususnya dan Asia Barat amnya.³ London memerlukan lokasi-lokasi strategik di Asia Barat khususnya di wilayah teluk sebagai pengkalan tentera bagi mempertahankan kepentingan minyak British di Dubai, Abu Dhabi, Bahrain, Kuwait dan Qatar dari sebarang ancaman. London misalnya melihat Iraq sebagai ancaman besar kepada kepentingan minyak British di Kuwait.⁴ Lanjutan dari kertas putih ini, pada tahun 1962 sebuah jawatankuasa keselamatan telah ditubuhkan oleh Perdana Menteri Harold MacMillan bagi mengkaji keperluan strategik British di Asia Barat. Jawatan kuasa ini kemudiannya memperakui bahawa penempatan lebih 10,000 anggota tentera British ini perlu dikekalkan demi keselamatan strategik dan ekonomi Britain di Asia Barat dan Timur Jauh.⁵

Tujuan pengkalan pengkalan tentera British ini adalah untuk mengekang kegiatan yang dianggap subversif oleh nasionalis Arab yang disokong oleh Presiden Gemal Abdul Nasser dari Mesir dan Kesatuan Soviet. Di antara pangkalan tentera British yang penting ketika itu ialah di Bahrain dan Muscat. Dalam satu laporan sulit pada bulan Mac 1968 oleh *Wing Commander*, Kementerian Pertahanan Britain, R.G Griffiths bagi kertas laporan *Joint Intelligent Staff* berhubung kepentingan strategik British di Asia Barat, menjelaskan bahawa pengkalan tentera British di Bahrain amat penting untuk dikekalkan demi mempertahankan sebarang ancaman dan sabotaj terhadap kepentingan London di rantau itu. Laporan ini selanjutnya menegaskan bahawa pengkalan tentera ini penting dengan matlamat "to ensure that the oil production of the gulf remains freely to the Western World".⁶ Di Bahrain, British mempunyai empat pengkalan tentera yang terpenting iaitu Pengkalan Muharraq, Pengkalan Jofair, Pengkalan Sulmaniyah dan Kem Hamalah.⁷

Selain di Bahrain, British juga menempatkan pengkalan tentera di Pulau Masirah, Muscat. Di pengkalan RAF Masirah yang dibina sejak tahun 1942 ini terletaknya pengkalan Tentera Udara Di Raja Britain bagi laluan Aden ke Karachi melalui penempatan kem dan pos tentera di bawah pemerintahan Air Forces Gulf. Kawasan ini menjadi medan strategik bagi laluan pesawat pegebom V-Bombers ke Timur Jauh, stesen untuk mengisi minyak pesawat pejuang (udara ke udara) dan lokasi pelbagai pengangkutan pesawat Tentera Udara Di Raja Britain. Pada era 1970-an, kawasan ini dijadikan sebagai pengkalan penempatan bagi pesawat perang *Phantom* dan pesawat udara yang bertindak sebagai pelindung kepada angkatan marin tentera British.⁸ Selain itu, pengkalan ini juga merupakan pusat perhubungan *Diplomatic Wireless Relay Station (DWS)* utama Britain di Asia Barat. Pusat perhubungan ini telah dibina bagi menggantikan pusat perhubungan tentera British yang lama di Pulau Perim. Stesen pemancar ini juga berfungsi untuk menerima isyarat komunikasi tentera dan siaran *British Broadcasting Corporation (BBC)* bagi siaran berbahasa Arab yang disiarkan di seluruh rantau Asia Barat dan Asia Tengah. Stesen pemancar ini membolehkan siaran BBC diterima dan berfungsi menyiarkan propaganda dasar luar British di Asia Barat.⁹

Kawasan Pulau Masirah ini sebenarnya telah dipajak dari Kesultanan Muscat dan Oman sejak tahun 1942. Walau bagaimanapun, pengaruh Presiden Nasser yang menyokong pemberontakan bersenjata di Oman dan Muscat bagi menjatuhkan Sultan Muscat yang pro-British secara tidak langsung menjadikan kepentingan strategik British di wilayah ini terancam. Menurut laporan Major R.E Fisher dari Kementerian Pertahanan Britain kepada Jawatankuasa *Joint Intelligence Group* untuk perhatian kabinet British pada bulan November 1967; Any change of rule in Muscat and Oman, which resulted in a government less sympathetic to British interests might undermine the whole basis of the British position and could lead to a major security problem (to Britain)¹⁰

Sebelum itu, pada bulan Ogos 1967 ketika satu perbincangan di Jabatan Negara Amerika, wakil British, Sir Richard Beaumont telah menegaskan bahawa lokasi strategik dan penempatan pengkalan tentera ini amat penting terhadap dasar keselamatan British di Asia Barat. Beaumont telah menggariskan mengapa faktor keselamatan ini amat penting kepada keseluruhan kepentingan British di Asia Barat khususnya dalam konteks perang Arab-Israel 1967. Antara lain Beaumont bagi pihak Pejabat Luar British menegaskan kepentingan strategik ini sebagai bertujuan untuk mewujudkan '*peace and stability in the area for trade as source of oil and supplies and the profitable oil investment*'.¹¹ Selain itu beliau juga menegaskan bahawa dari segi strategik juga British amat menekankan soal kebebasan belayar di Terusan Suez bagi mengelakkan sebarang gangguan terhadap aktiviti perdagangan, industri minyak dan komunikasi ketenteraan Britain di Asia Barat.¹² Dalam konteks Perang Dingin di Asia Barat pada era 1960an pula, Beaumont menegaskan bahawa kepentingan strategik British tadi hanya boleh dipertahankan antaranya ialah dengan strategi '*prevention of Communist expansion in the area*'.¹³

Asia Barat Sebagai Pasaran Produk Ketenteraan British.

Selain daripada kedudukan rantau Asia Barat yang strategik daripada segi ketenteraan dengan kewujudan pengkalan-pengkalan tentera tadi, rantau ini juga merupakan lokasi pasaran senjata keluaran British yang penting. Pada era Perang Dingin, perkembangan pengaruh Kesatuan Soviet di negara-negara Arab revolusioner seperti Mesir, Syria, Iraq dan Algeria menjadi ancaman bukan sahaja kepada kedudukan strategik pengkalan ketenteraan British tetapi juga kepada pasaran senjata British di Asia Barat. Pada era 1960-an, London menganggarkan bahawa pasaran eksportnya ke negara-negara Arab mencatatkan keuntungan sehingga £250 juta bagi tempoh 2 hingga 5 tahun. Dari tahun 1962 hingga tahun 1967 misalnya, penjualan senjata British ke negara-negara Arab ialah melebihi 10 peratus daripada keseluruhan jualan senjata Britain ke luar negara. Penjualan senjata di Arab Saudi dan Libya sahaja dalam tempoh 3 hingga 5 tahun menjanjikan pulangan keuntungan sehingga 40 hingga 50 juta *pounds* setahun.¹⁴ Bagi penjualan senjata ke Arab Saudi pada tahun 1967 sahaja amat menguntungkan British apabila Arab Saudi membeli persenjataan *Lightenings* bernilai lebih £40 juta. Peralatan radar pula bernilai £23 juta dan 12 jet *Provost* bernilai £1.8 juta. Sementara, Libya pula membeli senjata keluaran Britain yang antaranya 14 *Lightenings* bernilai £18 juta, 1 *frigate* dengan kontrak bernilai £6.8 juta bagi tempoh selama 3 tahun serta Sistem Pertahanan Udara bernilai £132 juta.¹⁵

Selain Arab Saudi dan Libya, negara-negara teluk yang menempatkan kepentingan strategik dan pengkalan tentera British juga merupakan pasaran senjata Britain yang lumayan. Bagi tahun 1967 sahaja, Britain menjual

sebanyak 4 jet Provost BAC167s, 4000 bom mortar dan peluru kepada Oman dan Muscat yang secara keseluruhan bernilai lebih £747,000. Manakala bagi Abu Dhabi pula Britain menjual 6 kereta *Ferret Scout*, 2 kapal terbang pengangkut, 1 dozen *machine guns* dan 1,000 *grenades* yang nilai keseluruhannya mencapai £112.5 juta. Tidak ketinggalan ialah Lubnan yang mengimport 25 kereta kebal jenis *Centurions*, 6 pesawat *Hunter Marks Ivs*, 40 *Salerdin*, peluru dan peralatan tambahan *machine guns* serta senapan bernilai lebih £733,108.¹⁶

Menjelang perang Arab-Israel 1967 dan pasca perang menyaksikan peratus penjualan senjata Britain di Asia Barat meningkat. Pada tahun 1967, nilai penjualan senjata Britain ialah sebanyak US\$360 juta dan nilai ini meningkat kepada \$520 juta pada tahun 1970.¹⁷ Peningkatan ini sekaligus menunjukkan bahawa krisis 1967 ini memberi pulangan lumayan kepada penjualan senjata British di Asia Barat. Secara keseluruhannya nilai penjualan senjata British ke negara-negara Arab lebih tinggi berbanding Israel menjelang tahun 1967 seperti yang ditunjukkan dalam statistik dari dokumen berikut.

Jadual 1: Nilai Penjualan Senjata Britain dalam juta (£)

	1962	1963	1964	1965	1966	1967
Negara Arab	3.5	5.4	8.4	8.5	11	X
Israel	2.2	1.2	0.8	1.8	2.1	X
Jumlah seluruh Dunia	97.5	112.6	103.7	101.7	151.5	163.6

X = masih belum diketahui

Sumber: Fail FCO 17/114, Laporan "The Working In Practice of OPD (67)68 On Arm Sales to The Middle East, National Archive of England. London, 1967.

Jelasnya, negara-negara Arab merupakan pelanggan utama Britain bagi pasaran eksport senjata pada era 1960an dan 1970an. Antara tempoh tahun 1967 hingga tahun 1975 misalnya, Britain telah mengeksport senjata bernilai lebih US\$775 juta ke negara-negara Arab ini.¹⁸ Nilai ini merangkumi sebanyak 33 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport senjata Britain ke seluruh dunia dalam tempoh tersebut. Dalam pada itu, pada tahun 1969 sahaja senjata yang dieksport ke Asia Barat oleh Britain bernilai US\$400 juta dan dijangka mencapai sekitar US\$1billion setahun menjelang tahun 1973. Nilai ini merangkumi 1/3 daripada keseluruhan pasaran senjata Britain.¹⁹

Walaupun berdasarkan kepada statistik di atas, negara-negara Arab menjanjikan pasaran lumayan kepada eksport senjata Britain tetapi pasaran Israel juga tidak kurang lumayannya. Kekukuhan sistem pertahanan Israel amat penting kepada Britain bagi mengekang pengaruh negara-negara Arab revolusioner yang dilihat sebagai proksi Soviet khususnya Mesir. Walaupun Britain bukanlah pengeksport utama kelengkapan tentera kepada Israel berbanding Amerika namun, kepentingan Israel kepada dasar strategik London di Asia Barat serta pasaran yang lumayan di negara tersebut tidak memungkinkan British mengabaikan terus Tel Aviv.

Ketika perang 1967 misalnya, eksport kereta kebal Britain jenis *Centurions* ke Israel hanya bernilai £120,000. Namun selepas perang meletus iaitu bagi tempoh Februari 1968 sahaja menyaksikan peningkatan sebanyak £350,000. Manakala eksport peluru jenis 105 mm pada tahun 1967 bernilai £672,250 dan pada Februari 1968 meningkat kepada lebih £923,685. Bagi kelengkapan laut pula sehingga 1967 hanyalah bernilai £40,000 dan nilai ini meningkat kepada £77,450 menjelang Februari 1968. Eksport peralatan payung terjun pula mencatatkan penjualan sebanyak £1,350 pada 1967 dan meningkat kepada £21,600 menjelang Februari 1968. Keseluruhannya selepas Jun 1967 sehingga Februari 1968 eksport senjata Britain ke Israel bernilai lebih £382.6 juta.²⁰ Justeru tidak hairanlah menurut seorang diplomat kanan British, Sir Richard Beaumont bahawa eksport senjata ke negara-negara Arab tadi begitu menguntungkan tetapi eksport ke Israel juga sangat penting kepada Britain. Britain will continue to be with the US encouragement, a supplier of arms to both sides but especially to Israel.²¹

Ancaman Pengaruh Soviet di Asia Barat, 1967

Berdasarkan kepada kepentingan kedudukan pengkalan tentera dan pasaran senjata tadi, British perlu memastikan segala ancaman yang boleh menggugat kepentingan-kepentingan ini di bendung. Namun pada era tahun 1960-an, perkembangan pengaruh Kesatuan Soviet telah muncul sebagai ancaman yang terbesar terhadap kepentingan strategik British di Asia Barat. Sokongan moral, bantuan persenjataan dan kewangan oleh Moscow kepada Mesir, Syria, Iraq dan Algeria mengancam dominasi Britain dan sekutunya Amerika di Asia Barat. Negara-negara Arab pula tidak semestinya berfahaman komunis tetapi strategi Soviet yang menyokong gerakan nasionalis tempatan menggusarkan London. Apatah lagi dengan dasar luar Soviet yang menyokong "*every national revolutionary movement against imperialism*"²² Justeru, British amat khuatir sekiranya negara-negara Arab revolusioner seperti Mesir dan Syria menang dalam perang terhadap Israel pada 1967 ini, pengaruh revolusi yang disokong oleh Soviet akan melimpah ke negara-negara Arab yang dianggap *moderate* dan pro Barat seperti Jordan dan negara-negara Teluk.

Lantaran itu, dengan apa cara sekalipun peningkatan pengaruh Soviet dan negara-negara Arab proksi Moscow mesti dikekang. Ancaman pengaruh Soviet ini secara langsung mempengaruhi matlamat utama dasar luar British di Asia Barat menjelang perang 1967 iaitu;

The prevention of the spread of Sino-Soviet and national Communist throughout the Middle East and southwards into Africa.²³

Sementara itu bagi Soviet, Asia Barat amat strategik kepada perluasan pengaruh komunis di Asia di samping kepentingan perdagangan yang penting. Pelabuhan-pelabuhan di Asia Barat seperti di Alexandria, Port Said, Mersah Matruh (di Mesir) dan pelabuhan Latakia serta Tatus di Syria merupakan antara pelabuhan yang penting kepada perdagangan Soviet di Asia Barat.²⁴ Berdasarkan kepentingan strategik ini, Soviet perlu meningkatkan pengaruhnya di Asia Barat melalui hubungan baik Moscow dengan pemimpin-pemimpin nasionalis Asia Barat khususnya Presiden Gemal Abdul Nasser. Misalnya pada bulan Mei 1964, Perdana Menteri Khrushchev dari Soviet yang melawat Kaherah telah menjanjikan bantuan kewangan dan senjata bernilai lebih US\$277.7 juta kepada Mesir.²⁵

Secara keseluruhannya bantuan kewangan Soviet kepada Mesir menjelang tahun 1966 adalah sebanyak £45 juta setahun. Dalam tempoh 3 tahun pertama pula bantuan ekonomi Soviet kepada Mesir dianggarkan sebanyak US\$400 juta terutama dalam bentuk produk makanan. Misalnya pada tahun 1967, lebih 300,000 tan metrik gandum telah dihantar ke Mesir oleh Soviet.²⁶ Melalui bantuan Soviet ini, Mesir yang dilihat sebagai negara anti-Barat (termasuk anti Britain) berupaya meraih sokongan padu rakyatnya terhadap kepimpinan Presiden Gemal Abdul Nasser. Malah Nasser juga mampu untuk memperkukuhkan angkatan bersenjata Mesir pada tahun 1967. Hal ini berdasarkan kepada belanjawan yang dibentangkan di parlimen pada sesi 1966/67 yang menyaksikan peruntukan lebih £171.4 juta bagi sektor ketenteraan iaitu pertambahan peruntukan lebih £13 juta (peningkatan kira-kira 8 peratus) berbanding belanjawan bagi tahun 1965/66.²⁷

Sebelum itu, pada bulan Oktober 1964 pula, Perdana Menteri baru Soviet, Kosygin dan Presiden Nikolai Podgorny serta Setiausaha Agung Parti Komunis, L.I Brezhnev telah mengadakan pertemuan dengan Penglima Tentera Mesir, Jeneral Amer' di Moscow bagi membincangkan bantuan tambahan ketenteraan kepada Mesir. Bantuan tambahan ini amat penting khususnya bagi memperlengkapkan bala tentera Mesir menghadapi ancaman Israel. Hakikatnya kesediaan Moscow untuk merundingkan bantuan senjata ini bukanlah sesuatu yang baru memandangkan sejak tahun 1956 lagi, Soviet merupakan pembekal utama senjata kepada Mesir. Sejak 1956, lebih 1,700 kereta kebal, 2,400 peralatan artileri, 500 jet penjuang dan 1,400 penasihat ketenteraan Soviet telah dihantar ke Asia Barat. Daripada jumlah ini, 43 peratus

disalurkan kepada Mesir. Menjelang tahun 1967 pula Soviet telah membekalkan tambahan 200 jet pejuang MIGs kepada Mesir.²⁸ Malahan secara keseluruhan menjelang perang 1967, Soviet telah membekalkan lebih 400 jet pejuang jenis MIGs dan kapal pengangkut kepada Mesir dengan tambahan lebih 1200 buah kereta kebal bagi memperkukuhkan angkatan bersenjata Mesir.²⁹

Selain Mesir, era 1960-an juga menyaksikan pengaruh Soviet dan Mesir menular ke negara-negara Arab lain seperti Iraq, Syria, Algeria, Libya dan Yemen. Pengaruh Soviet di Iraq menular melalui Parti Komunis Iraq dan di Algeria kepimpinan Presiden Ben Alla dari *Algerian Socialist Tali'ah Party* dilihat cenderung terhadap Moscow.³⁰ Sementara itu, di Yemen pengaruh Nasser dan Soviet turut berkembang dan keadaan ini merupakan satu ancaman besar kepada kedudukan strategik British di Aden dan kepentingan ekonomi di Laut Merah. Justeru, menjelang tahun 1967 matlamat utama British amat jelas iaitu "to get the Egyptian out of the Yemen".³¹ Bagi British, Nasser dilihat sebagai alat pengukuhan pengaruh Soviet di Yemen. Keadaan ini amat ketara era tahun 1960-an apabila berlakunya rampasan kuasa tentera di Yemen pada 26 September 1962 yang menggulingkan kepimpinan golongan diraja dan menyaksikan 'Abdallah as-Sallal dilantik menjadi presiden. Hubungan 'Abdallah yang intim dengan Soviet telah membolehkan pengaruh Moscow diperkukuhkan di Yemen dengan bantuan-bantuan ekonomi dan persenjataan. Misalnya pada bulan September 1962 lebih 60 tenaga pakar ketenteraan Soviet telah dihantar ke Yemen dan jumlah ini telah meningkat kepada 1000 orang pada bulan Jun 1963.³² Pada 16 hingga 24 Mac 1964 pula, satu perjanjian ekonomi dan bantuan teknikal telah dimeterai antara 'Abdallah dan Soviet diikuti bantuan kepada Yemen sebanyak 65 juta *roubles* (US\$39 juta)³³ Bantuan-bantuan ini bagaimanapun disalurkan melalui Nasser sekaligus mengukuhkan pengaruh politik Nasser di Yemen

Rampasan kuasa 1962 yang melahirkan Yemen Arab Republic (YAR) di bawah 'Abdallah menyaksikan pengaruh Nasser dan Soviet di Yemen ini kian menular. Bagi British pula kejatuhan kepimpinan keluarga diraja Yemen dalam rampasan kuasa ini mengancam kepentingan strategik British di Asia Barat khususnya kepentingannya di Aden. Berdasarkan ancaman Nasser di Yemen ini Pejabat Luar Britain merumuskan;

there was no doubt now that Nasser was a major enemy of the united Kingdom (Egypt against the Royalist and support the republican in Yemen with 40,000 Egyptian troops in Yemen since 1964)..the cabinet were determined to maintain our base in Aden and would to consider a variety of steps whereby Nasser could be stopped. We would not wish to see the Royalist cause under.³⁴

Menjelang tahun 1967, selain Yemen pengaruh Nasser/Soviet juga mengukuh di Syria. Keadaan ini mengancam kepentingan strategik British khususnya kedudukan laluan saluran paip minyak *Iraq Petroleum Company* (IPC) di Iraq yang merentasi Syria ke Laut Mediterranean.³⁵ Laporan Pejabat Luar Britain pada bulan Jun 1967 menjelaskan hal ini:

primary material interest (in Syria) a pipeline and installation of Iraq Petroleum company (IPC) valued £ 63.3 million. IPC is British, French, American and Anglo-Dutch company. (British has a major shares-40%). No other major material interest (in Syria).³⁶

Sejak tahun 1954, pengaruh Soviet yang kukuh di Syria mengancam kedudukan strategik paip minyak ini. Soviet mempunyai hubungan rapat dengan kepimpinan Syria.³⁷ Apatah lagi mulai 1 Februari 1958 apabila Mesir dan Syria bersatu dalam United Arab Republic (UAR) pengaruh Nasser di Syria kian mengukuh. Walaupun kesatuan ini dibubarkan pada 23 Februari 1966, namun kepimpinan Perdana Menteri Yusuf Za'ayin terus menjalinkan hubungan baik dengan Mesir dan Soviet. Misalnya pada bulan April 1966, Za'ayin telah mengetuai delegasi ke Moscow yang diikuti dengan perjanjian Soviet-Syria yang membawa kepada persetujuan Soviet memberikan pinjaman kredit sebanyak US\$133 juta kepada Syria bagi tujuan pembinaan Empangan Euphrates.³⁸ Bantuan-bantuan teknikal dan senjata juga diberikan kepada Syria. Perjanjian bekalan senjata ini ditandatangani sejak tahun 1955 akibat ancaman dari Israel dan Turki ke atas Damsyik.

Bagi tempoh tahun 1955 hingga 1957, Syria kemudiannya telah membelanjakan lebih £100 juta bagi membeli kelengkapan senjata dari Soviet dan negara-negara sekutu Soviet seperti Czech, Hungary dan Jerman Timur.³⁹ Manakala pada tahun 1967 sebelum perang meletus pada bulan Jun itu, Soviet telah memberikan bantuan senjata tambahan sebanyak 200 kereta kebal dan 120 kapal terbang perang kepada Syria dalam menghadapi ancaman Israel.⁴⁰

Kekhuatiran British berhubung ancaman kepentingan strategiknya di Syria semakin ketara pada tahun 1966. Syria di bawah Perdana Menteri Yusof Za'ayin yang pro Nasser telah menuntut syarikat IPC untuk membayar gantirugi sebanyak £100 juta dengan alasan bahawa Syria selama ini menerima pembahagian royalti yang tidak adil daripada IPC yang menggunakan wilayah Syria untuk mengeksport minyak ke Laut Mediterranean.⁴¹ Kerajaan Syria mendakwa bahawa berdasarkan perjanjian pada tahun 1955 pembinaan paip minyak antara Basra (Iraq) ke Banias (Syria) sepanjang 800 batu (300 batu melalui wilayah Syria) sepatutnya membolehkan Syria memperolehi bayaran perkongsian pada kadar 30/55 dan bukannya pada kadar 3/8 yang dibayar selama ini.⁴² Manakala pada 10 hingga 15 September 1966, dalam satu rundingan dengan IPC kerajaan Syria menuduh IPC gagal membayar

keuntungan pengangkutan minyak kepada Syria pada kadar 50 peratus sejak tahun 1955.⁴³

Bagi tahun 1966 sahaja Syria telah menuntut IPC untuk membayar gantirugi kepada Damsyik sebanyak £3.75 juta dan diikuti dengan bayaran gantirugi yang tertangguh sejak 1955.⁴⁴ Permintaan Syria ini bagaimanapun telah ditolak oleh IPC dan rundingan-rundingan yang dibuat selepas itu gagal untuk mencapai kata putus. Syria pula sebagai tindak balas telah mengarahkan saluran minyak ini ditutup menyebabkan IPC mengalami kerugian besar.⁴⁵ IPC juga kian terancam apabila Syria dengan sokongan Nasser turut mendesak Iraq untuk memiliknegerakan (nationalize) sumber minyak Iraq.⁴⁶ Menurut duta British di Damsyik dalam satu kenyataan pada bulan Disember 1966; If the Syrian can persuade the present Iraqi government to take over and run the (IPC) company's property (nationalize) it will present a considerable political victory (to Syria, Nasser and Soviet) ⁴⁷

Kenyataan duta British berkaitan sokongan Nasser dan Soviet ini sememangnya berasas apabila hasrat Syria disokong secara terbuka oleh Nasser.⁴⁸ Malahan Dewan Perhimpunan UAR (National Assembly) turut menyatakan sokongan secara terbuka terhadap tuntutan-tuntutan Syria terhadap IPC.⁴⁹ Bagi London pula, biarpun hubungan rapat Syria/Soviet/Nasser ini mengancam kepentingan strategiknya dalam industri minyak di Syria, namun British lebih berhati-hati untuk mengelakkan konfrantasi secara terbuka dengan Syria. Sebaliknya London memutuskan untuk memberikan sokongan penuh kepada IPC atas alasan hubungan komersial bagi berunding dengan kerajaan Syria demi mengelakkan konflik politik yang berterusan. Menurut satu laporan oleh Kedutaan British di Damsyik kepada Pejabat Luar British pada bulan Disember 1966;

If the Arab risk of this valuable Western investment being handed over an Arab plate to Arab extremist and their Communist backers is to be avoided, the dispute must, if possible be brought back to commercial plan and action taken here before it is too late⁵⁰

Tujuan British untuk menekankan rundingan secara komersial dalam kes Syria ialah bagi mengelakkan Nasser dan Soviet untuk mengambil peluang menggunakan isu campurtangan British dalam kes IPC ini sebagai kempen meningkatkan lagi pengaruh politik mereka di Syria dan Iraq di samping mengelakkan kerajaan Syria menutup terus pintu rundingan dengan IPC.

The Russian and their friends may or may not have encouraged the Syrian to go for a company but if Iraq and Syria take over (the IPC's oil), I suspect that the Russians would not be able to resist the temptation of giving them (Syria and Iraq) every possible help⁵¹

Menjelang perang 1967, selain daripada ancaman Nasser/Soviet di negara-negara yang dianggap revolusioner oleh British seperti Syria, Algeria,

Yemen dan Iraq, negara-negara Arab yang disifatkan moderate dan secara tradisinya pro-Barat turut berdepan dengan ancaman pengaruh Moscow. Malahan ancaman ini lebih berbahaya kepada British di rantau Asia Barat memandangkan kepentingan strategik British lebih besar di negara-negara ini. Antaranya ialah Kuwait, Qatar, Muscat dan Oman. Menurut laporan sulit perisikan British yang dikeluarkan kemudiannya pada tahun 1968, ancaman Nasser dan Soviet ini yang disifatkan sebagai gerakan subversif bergiat cergas di negara-negara Arab moderate sebelum tahun 1967 lagi. Laporan *Joint Intelligence Committee* kepada kabinet Britain pada bulan Mac 1968, menunjukkan bahawa gerakan subversif naungan Nasser/Soviet ini telah bergerak aktif di Kuwait sebelum 1967 lagi. Misalnya, *The Kuwait Arab Socialist Union* (KASU) dianggap sebagai sebuah pertubuhan politik ekstrim yang cergas di bawah naungan kedutaan UAR di Kuwait. Apabila KASU kemudiannya berkubur pada bulan Mei 1966 dengan ketuanya Kablan Shumari dibuang negara oleh pemimpin Kuwait, gerakan politik anti Barat telah diterajui pula oleh *The Kuwait Arab Nationalist Movement* (KANM). Gerakan nasionalisme KANM ini merupakan gerakan yang terpengaruh dengan idea-idea Nasser untuk menyatukan bangsa Arab di bawah satu kesatuan atau *Pan Arabisme*.

KANM mempunyai hubungan rapat dengan *Arab Nationalist Movement* (ANM) yang bermatlamat "*The union of all Arabs under one leader, exclusion of foreign influence*" dan "*solving the problem of Palestine by force*".⁵² Di antara pemimpin gerakan ini yang terkenal termasuklah Ahmad Khatib dan Jasim Qitami. Kedua-dua mereka walaupun tidak dapat dipastikan sama ada pendukung komunisme atau tidak merupakan nasionalis tempatan yang menentang dasar pro-British kepimpinan Kuwait. Walau bagaimanapun berdasarkan polisi luar Moscow yang menyokong sebarang gerakan nasionalisme anti Barat, maka kepimpinan kedua-dua tokoh ini telah mendapat sokongan padu dari Soviet serta di latih di UAR. Malahan gerakan politik KANM di Kuwait ini turut terlibat secara aktif dalam menaja gerakan-gerakan nasionalisme anti-British di Qatar, Bahrain dan Oman khususnya dengan memberikan bantuan kewangan.⁵³

Sementara itu, di Bahrain pula gerakan anti British bermula sejak lewat tahun 1950-an lagi dan kian aktif menjelang tahun 1967. Gerakan yang paling terkenal ialah *Bahrain Arab Nationalist Movement* (BANM) pimpinan Abdul Rahman Kamal.⁵⁴ BANM mempunyai objektif perjuangan anti British yang serupa dengan gerakan nasionalis di Kuwait tadi dan dipengaruhi secara langsung dengan idea *Pan Arabisme* Nasser. BANM bergerak cergas di kalangan kesatuan-kesatuan pelajar radikal khususnya *Bahrain's Student Union* (BSU). Pada tahun 1962, UAR telah memutuskan untuk memberikan latihan ketenteraan kepada pemuda-pemuda Arab termasuklah dari BANM di Kaherah. Mereka termasuklah sembilan tokoh muda dari BANM yang kemudiannya menjadi tokoh-tokoh penting dalam *Bahrain Petroleum*

Company (BAPCO), perkhidmatan pos dan telegraf Bahrain dan *Kuwait Oil Company* (KOC).

Golongan ini seterusnya telah terlibat dalam pelbagai aktiviti bagi mensebotaj kepentingan minyak British dalam KOC dan BAPCO khususnya di antara tempoh tahun 1964-1965.⁵⁵ BANM kemudiannya telah terlibat dalam satu kekacauan di Bahrain pada bulan Mac 1965 mengakibatkan kebanyakan pemimpinnya ditangkap dan dipenjarakan oleh pemerintah Bahrain. Saki baki kumpulan BANM ini kemudiannya telah menubuhkan pula *Front National Forces* (FNF) untuk meneruskan agenda perjuangan nasionalisme BANM di bawah pimpinan Ali Muhammad al-Qoo.⁵⁶ FNF kemudiannya dengan kerjasama ANM telah melancarkan demonstrasi besar-besaran anti British dan Israel di Bahrain pada 6 Jun hingga 9 Jun 1967. Selain BNM terdapat juga gerakan subversif anti-British lain seperti *The Bahrain National Liberation Front* (BNLF) yang berorientasikan komunis dan Parti *Ba'athist*, cawangan Bahrain.⁵⁷

Sementara itu, di Qatar pula terdapat gerakan-gerakan politik yang dianggap subversif tajaan Soviet oleh British. Antara yang terkenal ialah *Arab Nationalist Movement* (ANM) cawangan Qatar. Begitu juga dengan parti politik NLF dan Part *Ba'athist* cawangan Qatar, *Ikhwanul Muslimin* dan *The Gulf Liberation Front*.⁵⁸ Kebanyakan daripada anggota dan pemimpin organisasi ini (kecuali Ikhwanul Muslimin) dinaungi oleh Nasser dan bekerjasama rapat antara satu sama lain. Misalnya pemimpin politik ANM, NLF dan *Ba'athist* di Qatar merupakan sebahagian daripada rangkaian AMN, NLF dan *Ba'athist* di Bahrain, Syria, Iraq, Arab Saudi dan Iran. Sementara itu di Oman dan Muscat pula gerakan politik radikal yang dianggap mengancam kepentingan strategik British ialah gerakan Omani,⁵⁹ *The Dhofari Liberation Front* (DLF)⁶⁰ dan gerakan pemberontakan Sayyid Tariq.⁶¹

Kesemua gerakan politik yang dianggap subversif oleh pihak British ini mendapat aspirasi dari kepimpinan Nasser dan disokong oleh Soviet. Matlamat utama gerakan politik ini ialah untuk mewujudkan kesatuan bangsa Arab, menghapuskan pengaruh British, menyokong perjuangan bersenjata rakyat Palestin dan menjatuhkan pemimpin monarki yang menjadi boneka Barat. Dalam era perang dingin khususnya apabila konflik Arab-Israel kian kritikal menjelang 1967, Soviet telah memberikan sokongan padu kepada para pejuang politik yang dianggap progresif ini demi untuk menghapuskan dominasi British dan sekutunya di rantau Asia Barat selari dengan polisi luar Soviet yang menyifatkan nasionalis Arab ini sebagai, "*progressive leaders who are fighting for the social progress of their countries...against the foreign monopolies and feudal and capitalist institution*".⁶²

Sementara itu, bagi tempoh 1959 hingga 1967, antara gerakan nasionalis Arab yang mendapat sokongan secara langsung Nasser dan Soviet berdasarkan rekod British adalah Gerakan Omani. Di bawah penyeliaan UAR, pemberontakan ini telah sampai ke peringkat menggulingkan pemerintahan

Kesultanan Muscat yang pro-British. Malahan Nasser dengan bantuan Soviet juga terlibat secara langsung dengan melatih golongan yang dianggap pemberontak oleh British ini. Mereka kemudiannya telah melancarkan gerakan-gerakan subversif bagi mensabotaj kepentingan-kepentingan ekonomi dan strategik British di Asia Barat umumnya dan di kawasan Teluk khususnya. Misalnya pada tahun 1959, gerakan ini telah mensabotaj 3 pesawat udara R.A.F. Beverly milik tentera udara British, meletupkan bank British di Qatar dan meletakkan bom di tiga buah kapal British dengan salah satunya di *S.S. Dara* dan berjaya menenggelamkan kapal tersebut hingga mengorbankan 200 nyawa anak kapal.

Pada tahun 1963, UAR turut melatih golongan ini untuk melancarkan serangan gerila ke atas kedudukan strategik British di Muscat. Di anggarkan pihak UAR dengan sokongan Soviet telah melatih lebih 4,000 kader-kader gerakan Omani untuk melancarkan serangan gerila dan mensabotaj kepentingan strategik British di Muscat.⁶³ Sementara itu, DLF juga turut mendapat sokongan UAR dengan kempen-kempen propaganda seperti yang disiarkan oleh Radio Cairo. Malahan pejabat operasi DLF juga turut dibuka di Kaherah pada tahun 1965. Gerakan-gerakan yang dianggap subversif oleh British ini dikawal selia dan dibantu melalui agensi perisikan UAR dengan kerjasama perisikan Moscow iaitu *Egypt Intelligence Services* (EIS) terutama cawangan EIS di Kuwait.⁶⁴

Kesimpulan

Perang Enam Hari Arab-Israel 1967 merupakan konflik yang bukan hanya melibatkan Israel dan negara-negara Arab malahan konflik ini turut menjadi medan perlumbaan pengaruh dan penglibatan kuasa-kuasa besar dunia ketika era Perang Dingin. Malahan kajian untuk menjelaskan konflik ini perlu dilihat secara berterusan semenjak sebelum 5 Jun 1967 lagi. Dalam konteks tulisan ini, jelas menunjukkan bahawa Perang 1967 amat penting kepada pengekaln kedudukan dan kepentingan strategik Britain di Asia Barat. Pengaruh Nasser yang disokong oleh Soviet di negara-negara Arab merupakan ancaman terbesar kepada kepentingan strategik Britain di rantau tersebut. Negara-negara Arab yang dianggap revolusioner oleh pihak British seperti Iraq, Algeria, Yemen dan Syria terus menjadi proksi kepada Nasser dan sekutu Sovietnya bagi mengikis pengaruh London dalam kancah politik di Asia Barat. Malahan menjelang tahun 1967, pengaruh Nasser dan Soviet turut menular di negara-negara Arab yang secara tradisinya dianggap sebagai pro-British.

Soviet yang menggunakan gerakan radikal organisasi nasionalis Arab untuk merobohkan *status-quo* pemimpin monarki pro-British, berjaya mewujudkan ancaman yang serius terhadap kepentingan strategik dan ketenteraan Britain di wilayah Teluk. Justeru, berdasarkan kepada penjelasan di atas, adalah sukar untuk pihak British menerima hakikat sekiranya Israel tewas dalam perang 1967 kepada Nasser dan kesatuan Arab. Walau apa cara

sekalipun, kemenangan Israel adalah satu kemestian bagi London kerana sekiranya Israel kalah dalam perang selama 6 hari ini, kepentingan strategik Britain di Asia Barat akan akan dikawal oleh Nasser dan Soviet. Walau bagaimanapun, sejarah telah tercatat, Israel berjaya menghancurkan seluruh bala tentera pakatan Arab sekaligus misi pihak British untuk mempertahankan kepentingan strategiknya di Asia Barat pada tahun 1967 terlaksana.

Nota

- ¹ Semenanjung Gaza kemudiannya diserahkan kembali kepada pentadbiran Palestin oleh Perdana Menteri Israel, Ariel Sharon pada September 2005. Walaupun dari segi fizikal Gaza kini ditadbir oleh rakyat Palestin, namun Israel masih mengawal pergerakan politik di wilayah tersebut. Sebarang tindakan rakyat Palestin yang dianggap mengancam Israel akan dihapuskan dengan segera melalui kekuatan tentera sepertimana dalam kes operasi *Autum Cloud* yang bermula pada Jun 2006. Isu ini telah saya sentuh dalam tulisan yang disiarkan dalam *Utusan Malaysia*, 8 November 2006. Lihat juga Youssef Toni, et.al dlm. *Arab Areas Occupied by Israel*. Information papers, No. 2. Association of Arab-American Universiti Graduates, Inc. September 1970, hlm. 8.
- ² Resolusi yang diluluskan oleh Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) ini menamatkan perang tersebut tetapi Israel kekal di wilayah yang ditakluki. Untuk huraian lanjut lihat Muhamad Hasrul bin Zakariah, *Perang Enam Hari Arab-Israel 1967*, Tesis Ph.D yang tidak diterbitkan, Bangi: UKM, 2005, hlm. 221 hingga 236.
- ³ House of Commons Debate. Vol. 635, Col. 1509, 28 April 1961.
- ⁴ Sebaik-baik sahaja Kuwait diisytiharkan merdeka pada tahun 1961, Iraq telah menuntut hak kedaulatan terhadap wilayah Kuwait yang dianggap sebagai sebahagian wilayah Basra ketika pemerintahan Turki Uthmaniyyah. British kemudiannya telah memberi jaminan kepada pemerintah Kuwait, Abdullah Salem As_Sabah bahawa London akan mempertahankan keselamatan Kuwait daripada sebarang ancaman penaklukan termasuklah dari Iraq. Atas jaminan tersebut, British kemudiannya membina pengkalan tenteranya di Bahrain. Lihat J. Abadi, *Britain Withdrawal From The Middle East, 1947-1971: the Economic and Strategic Imperative*, New Jersey: The Kingston Press. Inc., 1982, hlm. 206.
- ⁵ Fail Ministry of Defense (MoD) Statement of Defense, *Cmnd.* 1639, 1962, para 15.
- ⁶ Fail CAB 163/73 "The Threat to Bahrain" dlm. *Laporan Joint Intelligence Staff*, 1 Mac 1968 oleh R.G Graffiths.
- ⁷ Pengkalan Muharraq menempatkan stesen Royal Air Force (RAF) dan unit tentera minor. Di Jofair pula terletaknya ibu pejabat British Forces, kapal perang HMS Jufair, kapal-kapal Royal Navy dan ibu pejabat Bahrain Garison. Sementara itu, Pengkalan Sulmaniyah merupakan kawasan pentadbiran utama bagi ibu pejabat Land Forces Guld dan Air Forces Gulf. Kem Hamalah pula merupakan kawasan penempatan pasukan infantry, kumpulan battalion dan unit radar RAF. Lihat *Ibid.*, hlm. 1.
- ⁸ Fail CAB 163/73. Salinan laporan "*Assesment of the Security Threat Masirah Island as at 31 October 1967*" oleh R.E Fisher, Major Secretary, 28 November 1967.
- ⁹ DWS ini dijangka disiapkan sepenuhnya pada bulan Ogos 1968. *Ibid.*,
- ¹⁰ *Ibid.*
- ¹¹ FCO 17/37 UK/US Talks, Washington, Sir Richard Beaumont notes, Ogos 1967. Selain itu, perlu juga diingatkan di sini bahawa sebenarnya sejak sebelum Perang Dunia ke II lagi kepentingan strategik minyak ini menjadi salah satu matlamat utama dasar luar British di Asia Barat. Misalnya dalam satu memorandum Setiusaha Luar dasar luar British di Asia Barat. Misalnya dalam satu memorandum Setiusaha Luar Britain, Ernest Bevin yang diedarkan kepada Kabinet British pada 1949 menyatakan "*In peace and war...the Middle East is an area of cardinal importance to the United Kingdom, second only to the United Kingdom itself*". Malahan menurut beliau lagi

"Strategically, the Middle East is a focal point of communication, a source of oil, a shield to Africa and the Indian Ocean, and an irreplaceable offensive base. Economically it is owing to oil and cotton, essential to United Kingdom recovery". Lihat Memorandum Bevin, "Middle East Policy, 25 August 1949, CP (49) 183 dalam fail CAB 129/36, London.

- ¹² Sejak penaklukan British di Mesir pada 1882 hinggalah Perang Dunia ke II, kawasan Suez ini bukan sahaja penting dari segi laluan perdagangan tetapi juga dari segi strategi ketenteraan British di Asia Barat. Sebelum 1947 misalnya Suez merupakan depo tentera British yang terbesar dan terkuat di Asia selain di India dengan jumlah tentera melebihi 200,000 orang. Malahan pada era pentadbiran Parti Konservatif lewat 1946, Winston Churchill berkeras bahawa Suez dan Mesir amnya perlu berterusan menyediakan British "commanding bastion" kepada kepentingan strategik British di Asia Barat biarpun British akan kehilangan India. Bagi Churchill 'Suez remained the geographical keystones of the Middle East and indeed one of the supreme keystone of the Middle East and indeed one of the supreme geopolitical positions in all of the world'. Lihat Wm. Roger Louis, *The British Empire In The Middle East 1945-1951*, Clarendon Press: Oxford, 1984, hlm. 8 & 9.
- ¹³ FCO 17/37 UK/US Talks- notes by Sir Richard Beaumont, 1967. Sejak sebelum Perang Dunia ke II juga selain daripada di Mesir dan Palestin, British juga memiliki kemudahan perang dan pengkalan tentera yang strategik di Asia Barat. Lantas, sebarang ancaman musuh khususnya pesaing Eropah di rantau ini, pada bila-bila masa amat menggusarkan London. Antaranya ialah kedudukan strategik British sejak 1947 di dua pengkalan tentera udara di Habaniyyah dan Shaiba di Iraq, ketumbukan tentera British dalam Liga Arab di Amman, Transjordan, pengkalan tentera darat dan pengkalan tentera udara di Khartoum serta pengkalan tentera laut British di Bahrain, Aden dan Cyrenaica. Kepentingan strategik ini kekal sehingga era 1970an walaupun berlaku perubahan lokasi misalnya di Iraq dan Aden. Lihat Ibid. hlm. 10
- ¹⁴ Fail FCO 17/114. Laporan "Arms Sales to Middle East" oleh T.L. Croswait. 5 April 1968
- ¹⁵ Ibid., hlm 2.
- ¹⁶ Fail FCO 17/114. Nota Setiausaha Luar Britain, 27 November 1967, hlm. 12.
- ¹⁷ J. Stanley & M. Pearton, *The International Trade In Arms*, Praeger, new York, 1972, hlm. 93
- ¹⁸ US Arms Control and Diarment Agency (ACDA), *World Military Expenditures and Arms Transfers 1966-1975*, Washington: Government Printing Office, 1976, hlm. 78.
- ¹⁹ "Arms Across The Channel" dlm. *Armed Forces Journal International*, 110, Mei 1973, hlm 58
- ²⁰ Fail FCO 17/114, Nota Setiausaha Luar Britain, 1967.
- ²¹ Fail FCO 17/37, Nota UK/US Talks, Sir P. Dean and Sir Richard Beaumont, Ogos 1967.
- ²² Lihat D. Mc Laurin, *The Middle East In Soviet Policy*, USA: Lexington Books, 1975, hlm. 17
- ²³ Lihat fail DO 35/10083. Pekeliling daripada K.R. Crook, Foreign Office, London kepada pengarah Information Services Commonwealth Realtion Office, 3rd May 1960.

- ²⁴ Ibid., hlm. 98.
- ²⁵ Mesir amat memerlukan bantuan kewangan ketika itu akibat krisis ekonominya yang meruncing. Populasi Mesir telah meningkat sebanyak 3.5% setahun dengan pendapatan perkapita yang tidak seimbang iaitu hanya pada kadar purata hanya US\$140 setahun. Kadar inflasi pula adalah sebanyak 40% akibat kemelesetan ekonomi tersebut dan taraf hidup rakyat yang amat rendah. Purata jangka hayat penduduk Mesir pula hanya 35 tahun. Lihat Fail FCO39/285. *UAR Economic Affairs: Effects Of The Arab-Israel War On The UAR Economy*, 1 Disember 1967.
- ²⁶ Fail FCO 17/37, UK/US Talks On The Middle East, notes on discussion by Sir Richard Beaumonts, Washington, 10 Ogos 1967.
- ²⁷ Fail FO 1016/781. Salinan telegram No.36 dari Abidjan ke Foreign Office, Mei 1967.
- ²⁸ Fail PREM 13/1622 Surat daripada Mr.Hadow kepada Mr. Brown, 6 Julai 1967.
- ²⁹ Fail FCO 17/114. Salinan surat daripada D.L bennet kepada Mr. Moberly, Eastern department, Foreign office, 13 Julai 1967.
- ³⁰ Fail FO 1016/781. Telegram no. 34. Dari Foreign Office ke Abidjan, Middle East Talking Point, 28 September 1967.
- ³¹ Fail FO 371/78583. telegram No 1611, Lord Harlech, 29 April 1964.
- ³² Petikan *Pravda*, 2 Oktober 1962.
- ³³ Ibid., 25 Mac 1964.
- ³⁴ Fail FO 371/178583. Telegram no 1587 daripada Lord Harlech kepada Foreign Office, 28 April 1964.
- ³⁵ IPC adalah consortium syarikat minyak Eropah yang dimiliki oleh British Petroleum (BP) American Controlled Near East Development Corp. The Compagnie Francaise des Petroles, The Royal Dutch Shell Group dan The Gulbekian Interest. BP memiliki syer yang besar dalam IPC. Lihat Fail FO 371/187646. Salinan petikan The Times, London, 30 Ogos 1966.
- ³⁶ Fail FCO 17/322, SOSFA, Foreign Office to Berne, telegram no. 259, 7 Jun 1967.
- ³⁷ Parti Komunis Syria telah ditubuhkan pada tahun 1920. Mulai tahun 1944 Soviet telah mengiktiraf kemerdekaan Syria dan Lubnan. Sejak itu, Moscow mula menjalinkan hubungan rapat dengan tokoh-tokoh politik Syria termasuklah dari Parti Bath'is. Antra mereka termasuklah Akram Hourani, Amith Attiyah, Ahmed Murad, Kolonel Abdul Hamid Sarraj dan Kolonel Abdul Karim Al Jundi. Lihat Fail FCO 370/2875. Laporan Middle East Section, Joint Foreign Office/Commonwealth Relation Office Research Department, 1967.
- ³⁸ Ibid.
- ³⁹ Ibid.
- ⁴⁰ Fail FCO 17/37. UK/US Talk's note. Ogos 1967.
- ⁴¹ Fail FO 371/187646, Mr. Winchester, Telegram no 414, dari Damsyik ke Foreign Office, 30 Ogos 1966.
- ⁴² Ibid. Note of Syrian Delegation Memorandum dalam surat daripada I.S Winchester kepada W.R Tomsky, 13 September 1966. Berdasarkan kepada perjanjian tahun 1955, IPC perlu membayar laluan transit pengangkutan minyak yang melalui wilayah Syria. Lebih 2/3 daripada keseluruhan minyak yang disalurkan melalui paip merentasi Syria ini datang dari loji minyak IPC di utara Iraq iaitu di Mosul. Minyak ini akan dihantar ke Banias di Syria dan Tripoli di Lubnan untuk dieksport melalui Laut Mediteranean ke Eropah. Lihat juga Ibid. FCO Guidance No. 263. September 1966.

- 43 Ibid. Lihat surat daripada J.T Fearly kepada I.S Winchester, 30 September 1966.
- 44 Jumlah ini adalah perkiraan bagi tempoh 9 bulan mulai Januari 1966. bagi perkiraan sejak tahun 1955 pula kerajaan Syria menuntut pembayaran tidak kurang daripada £30 juta. Minyak yang diimport melalui Syria ini bernilai lebih £140 juta setahun dengan £100 juta setahun diimport dari utara Iraq. IPC hanya membayar pada kadar £10 juta setahun minyaknya yang melalui wilayah Syria di Banias. Manakala untuk bayaran transit di Lubnan, IPC hanya membayar £1.5 juta setahun sahaja sejak 1955. Lihat fail FO 371/187648, Guidance No. 330, FCO to certain Missions, 23 Disember 1966.
- 45 Ibid., Sehingga bulan Disember 1966, loji minyak Iraq mengeluarkan minyak mentah pada kadar 6.5 juta tan setahun (63 juta sahaja pada tahun 1965). Daripada jumlah ini 20 juta tan datangnya dari selatan Iraq yang dieksport terus melalui Basra. Manakala 26 juta tan lagi dieksport melalui saluran paip ke terminal minyak di banias dan 16 juta tan melalui Tripoli di Lubnan.
- 46 Ibid. Minit oleh W.Morris, Foreign Office, London, 16 Disember 1966.
- 47 Fail FO 371/187647, Telegram no 654, dari Damsyik ke Foreign Office, London, 17 Disember 1966.
- 48 Lihat Fail 371/187648. telegram No 743, dari Kaherah ke Foreign Office, London, 24 Disember 1966.
- 49 Ibid. 'The Egyptian Gazette', salinan dalam surat daripada R.M Tesh kepada D. J Spears, London, 22 Disember 1966.
- 50 Lihat fail 371/187647. Salinan telegram no. 654 dar Damsyik ke Foreign office, 17 Disember 1966.
- 51 Ibid.
- 52 Lihat Fail CAB 163, Laporan sulit perisikan "*Subversive activity In The Gulf*" by Joint Intelligence Committee (JIC). (untuk perhatian Mr. D.J Fewtrell, JIC Secretary) 28 Mac 1968, hlm 5.
- 53 Ibid., hlm. 5 dan 6.
- 54 Abdul Rahman, seorang Sunni pro Nasser merupakan bekas guru yang mempunyai pengaruh besar terhadap gerakan radikal pelajar, Bahrain Student Union (BSU). Selain itu pada tahun 1962-1963 terdapat juga tokoh-tokoh lain yang turut bergerak aktif dalam pertubuhan nasionalis Arab ini seperti Yusof Sayyar, Muhamad Shakir dan Muhamad (Ahmad) Kamal, pemilik Asiatic Furniture Company di Bahrain. Ibid., hlm. 7 dan 8.
- 55 Ibid., hlm. 8.
- 56 Beliau merupakan seorang guru sekolah yang turut terlibat dalam serangan terhadap bas milik BAPCO pada tahun 1965. Selepas dibebaskan dari penjara pada bulan Ogos 1966, beliau telah meneruskan aktiviti-aktiviti politik dan kemudiannya berhijrah ke Kuwait pada bulan Julai 1967. Di Kuwait beliau meneruskan kegiatan antiBritishnya dan turut mengekalkan hubungan rapat dengan FNF di Bahrain. Ibid., hlm. 9.
- 57 BNLF mula dikenali lewat tahun 1950-an. Keahlian parti ini kebanyakannya terdiri daripada penduduk Syiah di utara Bahrain. Sehingga tahun 1967, dianggarkan keahlian parti ini antara 500 hingga 600 orang yang bergiat aktif dan mempunyai hubungan yang rapat dengan gerakan komunis di Arab Saudi dan Iran. Manakala Parti Ba'athist cawangan Bahrain telah ditubuhkan pada tahun 1957. Bagaimanapun parti ini mula aktif secara terbuka selepas perang 1967. Ramai pemimpin parti ini

mendapat latihan ketenteraan di Syria khususnya di kem Zabadani. Aspirasi kumpulan ini serupa dengan Parti Ba'athist di Syria yang bersikap anti British. Ibid., hlm. 10 dan hlm. 14.

- ⁵⁸ ANM cawangan Qatar telah ditubuhkan pada tahun 1963. Bagaimanapun pada tahun berikut satu kekacauan telah berlaku di Qatar menyebabkan lebih 20 pemimpin utamanya di tangkap. Aktiviti ANM di Qatar terhenti seketika sebelum muncul kembali pada bulan Oktober 1967 di bawah kepimpinan Hitmi al-Hitmi. Pada bulan Disember 1967, ramai anggota ANM ini telah menjalani latihan ketenteraan di bawah anjuran UAR di Kaherah. Hitmi pula mempunyai hubungan yang rapat dengan Hassan Qadurra yang merupakan salah seorang pemimpin tertinggi Parti Ba'athist di Qatar. NLF di Qatar pula dianggotai oleh kebanyakan pengikut Syiah. NLF di Qatar tidaklah begitu aktif tetapi menjadi tempat untuk merekrut ahli-ahli NLF di seluruh wilayah Teluk khususnya dari Bahrain. Kebanyakan kegiatan politik NLF di Qatar dipimpin oleh pemimpin NLF Bahrain dalam buangan. Parti Ba'athist di Qatar ditubuhkan pada bulan Mac 1967 untuk menyokong gerakan Ba'athist di Bahrain. Pemimpin utamanya seperti Abdul Karim Al-Al-Najar merupakan bekas pemimpin Ba'athist di Bahrain. Beliau kemudiannya menjalinkan hubungan rapat dengan kepimpinan Ba'athist di Damsyik. Sementara itu Ikhwanul Muslimin pula yang berasal dari Mesir berkembang di sector pendidikan dan perubatan di Qatar tetapi sehingga tahun 1967 organisasi ini di Qatar kurang menyerlah. GLF pula muncul pada tahun 1966 sebagai sebahagian cawangan GLF di Trucial States. Walau bagaimanapun aktiviti GLF kurang menyerlah di Qatar. Lihat Ibid., hlm. 15-16.
- ⁵⁹ Gerakan pemberontakan Omani muncul di antara tempoh tahun 1955 dan tahun 1964. Gerakan ini mendapat sokongan padu dari UAR, Iraq, Syria dan Arab Saudi. Gerakan ini asalnya bertujuan untuk mendapatkan kemerdekaan bagi Oman dari Kesultanan Muscat di bawah kepimpinan Imam Ghalib Bin Ali sejak 1955. Pada tahun 1959, kempen Imam Ghalib berakhir apabila beliau ditangkap dan dibuang negeri dan bergantung sepenuhnya kepada sokongan Arab Saudi. Dalam tempoh tahun 1959-1962, gerakan Omani yang bergerak di Kaherah, Baghdad, Damsyik, Kuwait dan Basra mendapat sokongan padu daripada Nasser. Gerakan ini telah melancarkan aktiviti untuk menjatuhkan Kesultanan Muscat yang pro-British. Kumpulan ini mendapat sokongan padu dari UAR, Iraq dan Syria. Ibid., hlm. 22-23
- ⁶⁰ Gerakan Dhofari atau Dhofa Liberation Front (DLF) bergiat cergas di wilayah paling selatan di Muscat dan Oman iaitu di Dhofar. Golongan Dhofaris ini menganggap pemerintah Oman sebagai orang asing yang menjajah Dhofar dengan bantuan British. Kabilah Qarra menganggap mereka mempunyai hubungan etnik, agama dan bahasa yang lebih rapat dengan Kabilah Mahra yang memimpin *People's Republic of South Yemen* (PRSY) berbanding golongan Omanis. Matlamat utama perjuangan mereka ialah mendapatkan kemerdekaan penuh bagi wilayah Dhofar daripada pemerintahan Kesultanan Oman dan Muscat. Pada tahun 1963, gerakan ini telah melancarkan serangan ke atas konvoi minyak dan diketuai oleh Musallim bin Nufl. Pada tahun 1964, beliau telah ke Iraq dan mendapat latihan ketenteraan di sana dan menubuhkan kembali DLF. Gerakan ini kemudiannya telah berkembang dan melancarkan kempen anti-British. Sehingga tahun 1966, gerakan ini telah melancarkan serangan-serangan gerila bagi mensabotaj kepentingan strategik British di Teluk dan menjatuhkan kepimpinan Sultan Muscat. Malahan pada 26 April 1966,

gerakan ini melancarkan percubaan untuk membunuh Sultan Muscat tetapi gagal. Pada tahun 1967, gerakan Dofar ini mendapat sokongan padu dari Kaherah. Ibid., hlm. 23-26.

- ⁶¹ Sultan Muscat yang pro-British juga berdepan dengan tentangan daripada adik tirinya, Sayyid Tariq. Sejak pertengahan tahun 1966, Tariq yang tidak berpuas hati dengan kepimpinan Sultan Muscat telah melancarkan pemberontakan untuk menjatuhkan sultan Muscat. Walau bagaimanapun, Tariq sendiri bukanlah berhasrat untuk menjadi Sultan sebaliknya mencadangkan Qabus, anak lelaki tertua tertua Sultan Muscat sebagai Sultan yang baru. Beliau sendiri hanyalah sebagai Perdana Menteri. Lihat Ibid., hlm. 26-28
- ⁶² Lihat A.Yodfat. *Arab Politics in The Soviet Mirror*, Tel Aviv: Shiloah Centerfor Middle Eastern and African History, 1972, hlm. 45.
- ⁶³ UAR juga telah memberikan subsidi untuk penempatan pejabat dan pusat operasi Imam Ghalib di Kaherah. Ibid., hlm. 28.
- ⁶⁴ GLF misalnya telah menubuhkan pusat operasinya di Kaherah pada 1965 manakala BANM telah mendapat latihan ketenteraan di Kaherah sejak 1963. Pada bulan April 1967, 3 guru sekolah di Ras Al-Khaimah telah ditahan oleh pihak berkuasa Bahrain kerana menyebarkan risalah-risalah menyokong Nasser dan anti-British. Ibid., hlm., 30-31.